

Pelajar melampau tidak akan diberi peluang

BM 25 AUG 2003

Oleh Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan akan mencari jalan mengetatkan disiplin di sekolah dan bertindak tegas, termasuk membuang sekolah, pelajar yang menunjukkan sikap melampau dari segi akhlak.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kementerian mesti mengikut peraturan yang ditetapkan bagi mengatasi masalah disiplin yang wujud di kalangan pelajar, termasuk membuang mereka daripada sekolah apabila perlu.

Sehubungan itu, katanya, tindakan membuang sekolah seperti yang dilakukan terhadap 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh adalah adil dan wajar kerana mereka pernah diberi amaran sebelum ini.

"Apabila sudah melampau kita terpaksa ambil tindakan. Tindakan itu memang adil kerana pelajar itu sudah diberi amaran dan mereka masih mengulanginya. Oleh itu tindakan pihak sekolah membuang pelajar berkenaan memang wajar," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mahu tindakan disiplin diambil secara bersungguh-sungguh terhadap pelajar yang terbabit dalam kegiatan ala samseng di sekolah.

Perdana Menteri berkata, pelajar yang tidak mahu belajar tidak boleh dibenarkan ke sekolah dan mengacau penuntut lain.

Baru-baru ini, 20 pelajar tingkatan lima STAR disingkirkan daripada sekolah itu kerana cuba menghidupkan budaya ala samseng dikenali 'High Council' bagi membuli dan menekan pelajar junior.

Musa berkata, kejadian yang ber-

laku di STAR itu sebenarnya tidak mencerminkan keadaan sebegini wujud di sekolah berasrama penuh (SBP) lain.

Bagaimanapun, katanya, kementerian tetap memandang berat gejala demikian apatah lagi ia berlaku di SBP yang membabitkan pelajar bijak dan seharusnya mencerminkan harapan bangsa dan negara.

Katanya, kebimbangan perkara itu akan menjadi lebih rumit menyebabkan kementerian menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji gejala negatif di sekolah berasrama.

"Amalan ragging (memder) memang sudah diharamkan di sekolah, dan yang berlaku ini bukan lagi ragging, tetapi mencederakan. (Hanya) atas sebab yang kadangkala kecil seperti yang berlaku di (Sekolah Menengah Teknik) Batu Pahat," katanya.

Beliau berkata, kementerian pernah menjalankan kajian mengenai gejala samseng di sekolah harian pada 2000 serta mengatur langkah perlu bagi mengatasinya.

Bagaimanapun, katanya, keadaan di sekolah berasrama mungkin memerlukan pendekatan yang agak berbeza kerana pelajar yang masukinya sudah besar dan berinteraksi sesama mereka dari pagi hingga ke malam.

"Kita perlu membuat kajian dan menghalusi fakta yang ada, termasuk menyelidik dan meninjau perasaan pelajar apa menyebabkan mereka berbuat demikian serta pandangan guru, sebelum membuat apa-apa kesimpulan.

"Jawatankuasa itu akan mengkaji semua ini termasuk cara disiplin boleh dijalankan dengan lebih ketat seperti mendapatkan pandangan ahli psikologi, polis, pertubuhan bukan kerajaan dan ibu bapa," katanya.